

'Turun gambar pemimpin negara tidak patut berlaku'

KELANG, Sabtu — Perbuatan menurunkan gambar-gambar pemimpin negara tidak sepatutnya berlaku kerana ia memperkecilkan suara dan kehendak rakyat, kata Menteri Besar Pahang, Datuk Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak.

Berucap merasmikan kursus penerangan Umno bahagian Shah Alam, beliau menegaskan rakyat telah memilih pemimpin mereka sendiri dengan mendukung sistem demokrasi berparlimen dan raja berpelembagaan.

Menurut Ahli Majlis Kerja Tertinggi Umno Malaysia itu, perbuatan menurunkan gambar pemimpin memang perkara kecil tetapi kesannya amat mendalam dan menyeluruh kerana itu hendaklah diselesaikan segera.

Beliau menegaskan, walaupun sehingga ini hanya baru sebuah negeri bertindak menurunkan gambar-gambar pucuk pimpinan dari tempatnya tetapi ahli-ahli Umno hendaklah mengambil sikap membuat pilihan.

Katanya, walaupun perkara itu sensitif, tetapi kerana rakyat cintakan kepada sistem demokrasi berparlimen dan raja berpelembagaan jadi apa juga masalah yang timbul perlu diselesaikan.

"Berdasarkan kepada kedua sistem yang dijunjung oleh rakyat dan jika hendak diteruskan, kita tidak boleh meletakkan rakyat dalam keadaan serba salah.

"Meletakkan rakyat dalam keadaan tersebut adalah langkah tidak bijak dan akan membawa padah buruk di masa de-

pan," katanya.

Beliau yang juga Naib-Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, berkata masalah orang Melayu belum selesai walaupun telah 26 tahun merdeka dan masih memerlukan masa bagi memulakan langkah memperkukuh dan menjamin masa depan orang Melayu.

"Bagi memenuhi cita-cita ingin terus mengekalkan kedudukan sebagai parti pemerintah di masa depan, kita perlu memastikan wujudnya perpaduan tulen di kalangan ahli-ahli Umno," katanya.

Menurutnya, ahli-ahli Umno hendaklah berpegang kepada konsep keluarga besar dan setiap mereka hendaklah memegang serta menjalankan tugas masing-masing yang telah ditetapkan mengikut perlembagaan sama ada di peringkat bawahan atau atasan.

Sekiranya Umno ingin terus menjadi parti pemerintah di negara ini orang Melayu hendaklah menyokong dan bersatu dengan menyertai kegiatan politik.

Bagaimanapun, beliau kesal terdapat segelintir orang Melayu terutama di kalangan eksekutif dan mereka yang telah hidup mewah mendakwa tidak ada faedahnya berjuang atau menyertai Umno.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia